NO. SOALAN: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID

TARIKH : 23 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keberkesanan pelaksanaan kempen 'Biar Lambat Asal Selamat' dengan cara meletakkan papan nasihat 'Biar Lambat Asal Selamat' di sepanjang lebuh raya dan jalan-jalan utama Persekutuan di seluruh negara memandangkan Ops Selamat tidak berjaya mengurangkan kemalangan maut di Malaysia pada tahun ini.

NO. SOALAN: 11

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program OPS Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019 bermula secara serentak pada 29 Mei dan berakhir pada 12 Jun 2019. Program OPS Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019 ini melibatkan sebanyak 12 Agensi/Jabatan dan Syarikat Swasta. Tema kempen ini adalah "Pandu Cermat, Sampai Selamat" yang merangkumi 4 program utama iaitu program Pendidikan dan Advokasi, Penguatkuasaan, Pencegahan bersekali dengan Pemantauan dan Penilaian.

2. Statistik kemalangan maut yang dicatatkan OPS Selamat yang telah dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lalu adalah sebanyak 232 kes berbanding 235 kes kemalangan maut pada OPS Selamat tahun 2018. Walaupun, angka kes kemalangan maut menunjukkan pengurangan sebanyak 3 kes, namun angka kematian akibat nahas jalan raya semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri mencatatkan peningkatan sebanyak 1 kes iaitu daripada 248 kes pada tahun 2018 kepada 249 kes pada tahun ini.

3. Jika dilihat daripada trend data statistik kematian akibat kemalangan jalan raya semasa OPS Selamat musim perayaan Hari Raya Aidilfitri dijalankan dari tahun 2014 hingga 2015, trend bagi statistik jumlah kemalangan maut dan kematian adalah menaik iaitu sebanyak 217 kes kemalangan maut dan 237 kes kematian pada 2014 kepada 303 kes kemalangan maut dan 330 kes kematian pada tahun 2015. Namun, trend ini menunjukkan penurunan daripada tahun 2016 hingga 2019. Pada tahun 2016, sebanyak 273 kes kemalangan maut dan 299 kes kematian berkurang kepada 232 kes kemalangan maut dan 249 kes kematian pada tahun 2019. Menerusi statistik ini, dapat kita lihat bahawa sememangnya jumlah penurunan kes kemalangan maut

dan kematian dapat dikurangkan menerusi OPS Selamat dan OPS Bersepadu yang dijalankan.

4. Kementerian Pengangkutan juga mengambil maklum mengenai cadangan Yang Berhormat berhubung paparan papan peringatan tentang keselamatan jalan raya di sepanjang lebuh raya dan jalan-jalan utama Persekutuan di seluruh negara sebagai salah satu usaha mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya di negara ini.

5. Kementerian Pengangkutan juga akan sentiasa memberikan komitmen yang sepenuhnya terhadap agenda mengurangkan kadar kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya di negara ini dan ingin menyeru kepada semua ahli dewan ini agar sama-sama dapat memperluaskan mesej peringatan tentang keselamatan jalan raya kepada semua ahli keluarga terdekat dan seterusnya komuniti setempat bagi mengelakkan kerugian modal insan yang bakal dihadapi oleh negara kita pada masa hadapan akibat kehilangan nyawa kerana nahas jalan raya.

Sekian, terima kasih.